

WANITA vip

OLEH MASTURA BURHANUDDIN
FOTO ZULFAIZ ZAKARIA



Dato' Zahrah

MEMACU SSM KE PERINGKAT GLOBAL

MESKI BELIAU KESUNTUKAN MASA DAN PERLU BERGEGAS KE PUTRAJAYA ATAS URUSAN RASMI, KEDATANGAN KAMI DI KAMAR KANTOR RASMI NYA DISAMBUT DENGAN PENYUH MESRA. MANIS MENGENAKAN BAJU KURUNG BERTABURAN BUNGA RONA MERAH JAMBU, DIGAYAKAN BERSAMA HIJAB VARIAN SERUPA ANAK KELAHIRAN BUMI GOPENG, PERAK INI BUKAN CALANG-CALANG PROFILNYA.

Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner, 52, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SSM berkuat kuasa pada 1 Januari 2015. Pelantikannya selaku CEO wanita pertama memangku jawatan itu sekaligus menjadikan beliau CEO kelima sejak penubuhan suruhanjaya tersebut.

Berbekalkan pengalaman luas dalam bidang perakaunan, komersil dan persyarikatan lantikan beliau telah mendapat sokongan penuh daripada mantan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hasan Malek. Sokongan bertentus turut diterima daripada Dato' Seri Hamzah Zainudin yang menerajui kementerian tersebut pada masa ini.

Mempunyai latar belakang akademik cemerlang

khususnya dalam bidang perakaunan menjadikan Zahrah calon ideal bagi menjawat jawatan tersebut. Bersama WANITA, beliau berkongsi susur galur kariernya bercambah sehingga menjawat jawatan CEO SSM kini.

"Saya merupakan graduan Ijazah Perakaunan (Keputusan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan Akauntan Bertauliah. Karier saya bermula sebagai Penasihat Akauntan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sekitar Ogos 1984 hingga April 1992. Skop kerja saya ketika itu selaku penasihat hal ehwal berkaitan penilatan mutu antarabangsa secara praktikal di pasaran terbuka.

"Kemudian saya menyertai Kementerian Luar Negeri pada Mei 1992 hingga Julai 1995 dan saya



12/7

dipertanggungjawabkan menguruskan akaun kewangan dan audit untuk Kedutaan Tinggi Malaysia di seluruh dunia.

"Kerier saya sekali lagi membawa penghijrahan saya ke Pejabat Pendaftaran Syarikat (ROC) pada 1995 sebagai Ketua Akauntan sehingga 16 April 2002. Apabila SSM ditubuhkan hasil daripada penggabungan antara Pejabat Pendaftaran Syarikat (ROC) dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan (ROB), saya kemudian dilantik sebagai TKPE (Perkhidmatan) SSM dan menjawat jawatan tersebut sehingga tahun 2014 sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM," terang Zahrah.

Selaku CEO, Zahrah mengakui bukan mudah untuk melaksanakan tanggungjawab sebesar ini. Beliau sentiasa berusaha untuk memikul amanah dan kepercayaan yang diberi dengan sebaik mungkin. Komitmen dan sokongan padu daripada 1,294 kakitangan di 14 cawangan SSM seluruh negara menyemarakkan lagi semangat Zahrah untuk memacu SSM ke peringkat global.

"Hasrat saya cukup besar bagi memperkasakan SSM di peringkat nasional dan antarabangsa, selain mahu menjadikannya suatu jenama mesra rakyat. Dalam usaha untuk merealisasikan hasrat tersebut, banyak perubahan yang cuba saya lakukan. Antaranya, membuat transformasi melibatkan proses, sistem dan penstrukturan yang lebih efisien.

"Selepas ini SSM juga tidak lagi mengguna pakai Akta Syarikat 1965. Sebaliknya, kami mengimplementasikan Rang Undang-undang Skim

CABARAN MENGGAPAI MISI

SELAKU individu yang bertanggungjawab membawa misi sesebuah organisasi, Zahrah optimis dalam melunaskan tanggungjawab yang damanahkan kepadanya. Dalam menggalas amanah tersebut, Zahrah gemar menerapkan elemen kekeluargaan terutama bila timbulnya percanggahan pendapat dalam menasihati kakitangan sebelum mengambil satu-satu keputusan.

"Secara peribadi, saya seorang yang berani mengambil risiko dan pantas membuat keputusan terutama apabila melibatkan perkara-perkara penting. Pengalaman mengajar saya untuk sentiasa berfikir rasional dan kritis dalam melakukan sesuatu. Saya yakin untuk menjadi seorang yang berjaya kita perlu banyak membantu dan menjadi pemudah cara kepada orang yang memerlukan.

"Isu gender juga bukan penghalang untuk ketika mencapai kejayaan. Sebagai wanita meskipun tugas yang dipertanggungjawabkan kepada saya terlalu berat, saya perlu sentiasa bersikap positif terhadap tugas dan tidak menganggap ia sebagai satu tugas yang membebankan," ujar penerima anugerah gelaran Darjah Kesatria Mangku Negara (K.M.N) pada tahun

2006 dan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P) yang membawa gelaran Dato' pada 20 Ogos 2015.

SSM BUKAN HANYA DAFTAR SYARIKAT

Beralih bicara tentang fungsi hakiki SSM, bekas pelajar Sekolah Menengah (P) Treacher Methodist Taiping, Perak ini menjelaskan SSM bukan hanya berperanan sebagai agensi pendaftaran perniagaan semata-mata, tetapi turut bertindak menjalankan pelbagai perkhidmatan lain yang mungkin tidak begitu diketahui umum.

"Tak dinafikan, ramai yang kurang arif dengan peranan SSM. Rata-rata menganggap SSM agensi yang perlu dirujuk apabila melibatkan urusan pendaftaran perniagaan *online* sahaja. Realitinya SSM adalah sebuah agensi perbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan di samping *m e m b e k a l k a n* maklumat syarikat dan perniagaan kepada orang awam.

"Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tabdir urus korporat, SSM melaksanakan fungsinya mengawal selia pematuhan perundangan korporat dan pendaftaran perniagaan melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan untuk negara.

"Selain itu, SSM juga bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang merangkumi Akta Syarikat 1965 (Akta 125); Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197); Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100); Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28); Akta Perkongasian Liabiliti Terhad 2012 (Akta 743); dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-akta yang tersebut di atas seperti Peraturan-peraturan Syarikat 1966; dan Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957.





Datuk Zahrah sentiasa memberi salutan serta motivasi terbaik kepada kakitangan dibawah seliasannya.

"Menyentuh soal kesedaran masyarakat terhadap perniagaan *online* yang perlu didaftarkan pula, pihak kami dapat berlaku peningkatan jumlah pendaftaran ekoran penganjuran karnival *Online Networking Entrepreneurs* (ONE) yang diadakan tahun lalu. Buktinya, tahun lalu hanya 6,000 peniaga yang berdaftar, tahun ini jumlah peniaga yang mendaftar melonjak ke angka 40,000. Satu pencapaian yang cukup membanggakan," ujarnya yang sempat menitipkan pesan agar pembeli *online* bersikap bijak dalam membuat percutaran apabila berbelanja dengan peniaga *online* berdaftar bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa penipuan.

KELUARGA KEKUATAN ZAHRAH

Bergelar ibu dan isten tidak menyekat Zahrah untuk berjaya dalam kehidupan berkeluarga dan kerjaya. Meski sibuk dengan rutin pejabat, Zahrah sentiasa memastikan dirinya memiliki masa senggang untuk berhadai bersama suami tercinta, anak tunggal dan menantunya.

"Ada waktunya saya sekadar menghabiskan masa dengan keluar makan bersama mereka. Jika saya perlu ke luar daerah, suami akan menjadi peneman setia. Selain itu, saya gemar melakukan aktiviti riadah seperti berbasikal dan Putrajaya menjadi lokasi *favorite* saya dan suami berbasikal.

"Rutin itu dijadikan amalan kami sekeluarga terutamanya jika saya punya kelapangan. Mungkin ramai yang tak tahu



Wanita berkhaliber ini kebanggaan SSM.

sejak di bangku sekolah saya aktif dalam bidang sukan. Antara pencapaian terbaik saya dalam bidang sukan adalah mewakili negeri dalam sukan hoki.

"Saya juga gemarkan muzik. Biola satu-satunya alat muzik kegemaran saya. Menggosok biola kesayangan adalah satu remedi menenangkan jiwa dan membangkitkan rasa damai di hati," kongsi Zahrah yang juga ibu saudara kepada kumpulan KRU yang dianggotai Yusry, Norman dan Edry.